

SH 25/03/08 Pg T20

Warga UMT digesa saling kongsi ilmu

Dengan perkongsian ilmu tersebut, maka kepelbagaian aspek dapat dikuasai dan hal ini sekali gus mampu melahirkan generasi siswa dan siswi yang gemilang dan terbilang.

■ ROSHLAWATIE RAIEH


KUALA TERENGGANU – Pensyarah dan kakitangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) digesa mempertingkatkan lagi kualiti kerja mereka dalam usaha memastikan universiti berkenaan berjaya sehingga ke peringkat lebih tinggi.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin berkata, seluruh warga UMT harus bergading bahu dalam merealisasikan hasrat itu dan saling berkongsi ilmu antara satu sama lain.

“Berkongsi ilmu itu bukan hanya tertumpu kepada sesebuah fakulti sahaja tetapi ia mestilah melibatkan semua fakulti yang ada.

“Dengan perkongsian ilmu tersebut, maka ke-

Sebahagian besar warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) begitu khusyuk mendengar taklimat mengenai Maulidur Rasul, kelmarin.



pelbagaian aspek dapat dikuasai dan hal ini sekali gus mampu melahirkan generasi siswa dan siswi yang gemilang dan terbilang,” katanya ketika Perhimpunan Bulanan dan Ceramah sempena sambutan Maulidur Rasul di Dewan Sultan Mizan, kelmarin.

Sementara itu, beliau juga menasihatkan kepada semua warga UMT termasuk pensyarah, kakitangan akademik dan bukan akademik serta siswa dan siswi

supaya menghayati pengertian Maulidur Rasul. “Makna sambutan berkenaan sangat besar. Oleh itu, timbalah sebanyak mungkin ilmu ketika menghadiri ceramah yang diadakan. “Jangan mengambil mudah akan ilmu yang diperoleh sebaliknya ia harus disebar kepada sahabat handai supaya mereka memahami dan menghayati sambutan Maulidur Rasul ini.” katanva.